

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014**

**1249/1**

**SEJARAH**

**Kertas 1**

**Nov./Dis.**

1 jam

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**1249/1** © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**SULIT**



1 2 4 9 / 1 - 1


- 1 Anda sebagai seorang anak petani di China pada zaman Dinasti Han. Bagaimanakah anda dapat mengubah status sosial anda?
- A Memajukan perniagaan
  - B Memiliki tanah yang luas
  - C Menyertai pasukan tentera tetap
  - D Meningkatkan pencapaian pendidikan
- 2 Mohenjo Daro-Harappa adalah bandar terancang terawal di dunia. Mengapakah masyarakat Tamadun Indus berjaya membina bandar terancang tersebut?
- A Perluasan ajaran agama
  - B Sistem pemerintahan teokrasi
  - C Sumbangan golongan bangsawan
  - D Pertembungan dengan tamadun luar
- 3 Jadual 1 berkaitan dengan tokoh yang telah menyumbang terhadap perkembangan tamadun.

<b>Tokoh</b>	<b>Tamadun</b>
Julius Caesar	Rom
Chandragupta Maurya	India

Jadual 1

- Apakah sumbangan mereka?
- A Membentuk empayar pemerintahan
  - B Memperkenalkan pemerintahan monarki
  - C Mengasaskan pentadbiran secara birokrasi
  - D Melaksanakan sistem pemerintahan republik
- 4 Athens merupakan sebuah negara kota dalam Tamadun Yunani. Apakah matlamat pendidikan di negara kota tersebut?
- A Melahirkan pegawai kerajaan yang berpendidikan
  - B Mewujudkan masyarakat yang celik huruf
  - C Membentuk warganegara yang taat
  - D Melahirkan manusia yang seimbang


- 5 Peta 1 menunjukkan kerajaan maritim di Asia Tenggara.



Peta 1

Mengapakah kerajaan tersebut berjaya meneroka dunia luar?

- A Kegiatan pertanian berkembang maju
  - B Kerajaan asing memberikan bantuan
  - C Pusat latihan kelautan ditubuhkan
  - D Mahir dalam pembinaan kapal
- 6 Rajah 1 berkaitan dengan perubahan yang berlaku kepada kerajaan Funan.



Rajah 1

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Kekuatan tentera
- B Perluasan empayar
- C Kemajuan pelabuhan
- D Pertambahan penduduk

- 7 Tokoh berikut telah membantu mengukuhkan pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

- |                                                                                                    |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Khalid bin al-Walid</li> <li>• Usamah bin Zaid</li> </ul> |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah bantuan yang diberikan oleh tokoh-tokoh tersebut?

- A Menggubal undang-undang  
 B Mengatasi ancaman kuasa luar  
 C Memperkukuh sistem pendidikan  
 D Mempelbagaikan kegiatan pertanian
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian Hudaibiyah.

Tahun	Peristiwa
630 Masihi	Orang Arab Quraisy melanggar syarat Perjanjian Hudaibiyah

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Kota Makkah dikuasai Islam  
 B Sistem kabilah dimansuhkan  
 C Urusan perdagangan terjejas  
 D Penduduk Madinah berhijrah
- 9 Apakah perkara yang diutamakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam mendirikan negara Islam Madinah?
- A Menyatukan wilayah  
 B Menyusun perlembagaan  
 C Mengadakan rundingan damai  
 D Meminta bantuan orang Badwi
- 10 Bagaimanakah kedudukan orang Yahudi dalam Piagam Madinah?
- A Memimpin angkatan tentera  
 B Menjadi pentadbir wilayah  
 C Diberi pengecualian cukai  
 D Diiktiraf sebagai rakyat

11 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh pengembara Islam pada abad ke-14.

Tokoh	Keterangan
Ibn Battuta	Hasil tulisan beliau menjadi rujukan sejarawan hingga kini

Mengapakah tulisan beliau menjadi rujukan sehingga kini?

- A Ketepatan fakta
  - B Keunikan ilustrasi
  - C Keindahan bahasa
  - D Kepelbagaian teknik
- 12 Antara yang berikut, yang manakah sumbangan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq kepada kerajaan Islam Madinah?
- I Memerangi golongan al-Riddah
  - II Memperkenalkan pelbagai cukai
  - III Menubuhkan Jabatan Kehakiman
  - IV Menyelesaikan perpecahan umat Islam
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 13 Golongan raja di Asia Tenggara menggunakan gelaran berikut setelah kedatangan Islam.

- |                                                                                                                 |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Zillullah fil-alam</i></li><li>• <i>Zillullah fil-ardh</i></li></ul> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Mengapakah gelaran tersebut digunakan?

- A Melambangkan kemakmuran kerajaan
- B Mengekalkan warisan tradisi
- C Mengesahkan kewibawaan
- D Memelihara hak penduduk

- 14 Bagaimanakah pertapakan Islam di Brunei menyebabkan pengislaman wilayah di sekitarnya seperti Kepulauan Sulu dan Mindanao?
- A Pendidikan dipergiat
  - B Perdagangan diperluas
  - C Kekuatan empayar dipertingkat
  - D Hubungan dengan China diperkukuh
- 15 Peta 2 menunjukkan jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka.




Peta 2

Apakah faktor yang membolehkan Melaka meluaskan jajahan takluk?

- A Pengaruh agama Islam
  - B Bantuan tentera asing
  - C Kepadatan penduduk
  - D Kekayaan hasil bumi
- 16 Bagaimanakah Laksamana membantu meneruskan perkembangan Islam di Melaka pada abad ke-16?
- A Mengetuai protokol di istana
  - B Mengawal keamanan dalam negeri
  - C Mentadbir kemudahan di pelabuhan
  - D Menjaga keselamatan kawasan perairan

- 17 Mengapakah Gereja Katolik menjadi institusi yang berkuasa di Eropah pada Zaman Gelap?
- A Memiliki banyak tanah
  - B Berhak mengutip cukai
  - C Mendapat sokongan petani
  - D Bergiat dalam perdagangan
- 18 Rajah 2 menunjukkan perubahan sumber tenaga kepada **Tenaga X** di Eropah pada abad ke-18.



Rajah 2

Apakah **Tenaga X**?

- A Wap
  - B Gasolin
  - C Elektrik
  - D Matahari
- 19 Pada tahun 1920, British telah mewartakan Enakmen Pendaftaran Sekolah di Tanah Melayu.
- Mengapakah British memperkenalkan enakmen tersebut?
- A Melahirkan tenaga mahir
  - B Menyatukan pelbagai kaum
  - C Membanteras ancaman komunis
  - D Mengurangkan kemasukan imigran

- 20 Jadual 2 berkaitan dengan mata wang yang digunakan di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat.


Negeri	Mata Wang
Kelantan	Dinar emas
Pahang	Jongkong tampang
Terengganu	Kupang emas

Jadual 2

Mengapakah penggunaan mata wang tersebut semakin pupus menjelang abad ke-19?

- A Kekurangan logam
  - B Kelembapan ekonomi
  - C Pengenalan wang kertas
  - D Penggunaan syiling emas
- 21 British telah memperkenalkan sistem birokrasi Barat di Tanah Melayu. Mengapakah sistem tersebut ditentang oleh penduduk tempatan?
- A Kegiatan ekonomi tradisional terjejas
  - B Pengaruh golongan agama merosot
  - C Pemimpin kehilangan kuasa
  - D Tanah peribumi dirampas
- 22 Penjajah Sepanyol memperkenalkan Sistem Encomienda di Filipina. Mengapakah penduduk Filipina tidak berpuas hati terhadap sistem tersebut?
- A Ekonomi sara diri terjejas
  - B Cukai yang membebankan
  - C Perusahaan tradisional terancam
  - D Perdagangan tukar barang terganggu
- 23 Mengapakah British menggunakan nama sultan Kelantan untuk mematahkan penentangan penduduk tempatan pada tahun 1915?
- A Menghormati sultan
  - B Mengekalkan kuasa sultan
  - C Kesetiaan rakyat kepada sultan
  - D Kuasa mutlak berada di tangan sultan

24 Rajah 3 berkaitan dengan pembesar-pembesar di Pahang yang menentang British.



Rajah 3

Mengapakah mereka menentang British?

- A Pembinaan balai polis
- B Pencabulan perjanjian
- C Pengenalan perdagangan bebas
- D Pelaksanaan pendidikan sekular

25 Kedua-dua tokoh berikut berjaya menyatukan negara masing-masing di Eropah pada abad ke-19.

- Count Camillo Benso di Cavour
- Otto Eduard von Bismarck

Apakah persamaan kedua-dua tokoh tersebut?

- A Mengenenpikan perbezaan warna kulit
- B Menyatukan masyarakat majmuk
- C Menggunakan kaedah *realpolitik*
- D Membina empayar yang luas

26 Mengapakah Prussia memulangkan semula wilayah Venetia kepada Itali pada tahun 1866?


- A Pertukaran wilayah
- B Arahan Liga Bangsa
- C Kekalahan dalam peperangan
- D Kerjasama menewaskan Austria

- 27 Apakah peranan Lembaga dalam sistem pentadbiran Adat Perpatih di Negeri Sembilan?
- A Memilih Undang
  - B Menjadi ketua agama
  - C Menjaga alat kebesaran
  - D Menggubal dasar negara
- 28 Senarai berikut adalah tindakan British yang membangkitkan kemarahan orang Melayu pada tahun 1940-an.

- Pengenalan Malayan Union
- Penyerahan Sarawak kepada British

Mengapakah tindakan tersebut membangkitkan kemarahan orang Melayu?

- A Mencampuri adat istiadat tempatan
  - B Menjejaskan hak kaum peribumi
  - C Menghalang perpaduan kaum
  - D Mengubah sempadan negeri
- 29 Rajah 4 merujuk kepada struktur pentadbiran peringkat negeri di Tanah Melayu pada tahun 1948.



Rajah 4

Apakah tugas Menteri Besar?

- A Mengetuai angkatan tentera
- B Mengetuai upacara rasmi
- C Mengetuai pentadbiran
- D Menabalkan raja

30 Gambar 1 adalah Dato' Onn bin Jaafar.



Gambar 1

Apakah cadangan beliau untuk menyatupadukan penduduk Tanah Melayu sebelum merdeka?

- A Membuka keahlian UMNO kepada semua kaum
- B Menubuhkan Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
- D Membentuk Parti Perikatan

31 Maklumat berikut berkaitan dengan rundingan yang dilakukan sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tarikh	Rundingan
18 Januari - 8 Februari 1956	Rundingan London

Apakah persetujuan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum
- B Penetapan syarat mendapatkan kerakyatan
- C Pembentukan suruhanjaya bebas mengkaji perlembagaan
- D Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan

32 Apakah yang dilaksanakan oleh pemimpin Tanah Melayu pada tahun 1950-an untuk merealisasikan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?

- A Memperkukuh perpaduan kaum
- B Mengadakan pungutan suara
- C Mendapatkan sokongan luar
- D Berunding dengan komunis

- 33 Mengapakah Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) bimbang penyertaan Sarawak dalam Malaysia?
- A Kerajaan British menentang
  - B Ancaman komunis meningkat
  - C Tanah Melayu terlalu berkuasa
  - D Serangan tentera Kalimantan Utara
- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan pengaruh golongan radikal di Singapura.

Tarikh	Peristiwa
April 1961	Barisan Sosialis telah memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura

Bagaimanakah pemimpin Singapura mengatasi pengaruh golongan tersebut?

- A Menyarankan penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
  - B Mencadangkan penggabungan Singapura dengan Tanah Melayu
  - C Membentuk pakatan tentera dengan negara jiran
  - D Menguatkuasakan undang-undang darurat
- 35 Pernyataan berikut berkaitan dengan perkara 153 dalam Perlembangan Malaysia.

Peranan Yang di-Pertuan Agong dalam menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak

Apakah hak istimewa orang Melayu dan bumiputera yang dimaksudkan dalam pernyataan tersebut?

- A Menjadi ahli Dewan Rakyat
  - B Penerimaan pangkat kebesaran
  - C Jawatan dalam perkhidmatan awam
  - D Kebebasan menganuti mana-mana agama
- 36 Seorang pegawai tertinggi angkatan tentera telah dijatuhi hukuman. Siapakah yang berkuasa memberi pengampunan kepada pegawai tersebut?
- A Perdana Menteri
  - B Menteri Pertahanan
  - C Mahkamah Persekutuan
  - D Yang di-Pertuan Agong

37 Melalui Dasar Pertanian Negara, kerajaan telah memperkenalkan program pembangunan in-situ.

Apakah tujuan program tersebut dilaksanakan?

- A Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah
- B Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- C Mengawal kemasukan buruh luar
- D Menyusun semula masyarakat

38 Jadual 3 menerangkan matlamat rancangan pembangunan ekonomi kerajaan Malaysia pada tahun 1970-an.

Tarikh	Rancangan Pembangunan	Matlamat
1971-1975	Rancangan Malaysia Kedua	Membasmi kemiskinan

Jadual 3

Apakah langkah kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut?

- I Memulakan industri berat
  - II Memajukan sektor pelancongan
  - III Menambahkan peluang pekerjaan
  - IV Meningkatkan pendapatan rakyat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


39 Senarai berikut adalah pertubuhan antarabangsa yang disertai oleh Malaysia.

- Komanwel
- Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
- Negara-Negara Selatan

Apakah faedah yang Malaysia peroleh dalam pertubuhan tersebut?

- I Ekonomi maju
  - II Keselamatan terjamin
  - III Identiti bangsa mantap
  - IV Kawasan perairan terkawal
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

40 Rajah 5 menunjukkan kesan Perang Dunia Pertama terhadap Jerman.



Rajah 5

Apakah tindakan Jerman untuk menghadapi kesan tersebut?

- A Mendapatkan sokongan rakyat
- B Memperbesar angkatan tentera
- C Mengukuhkan kedudukan ekonomi
- D Menggabungkan wilayah-wilayah kecil

### KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014**

**1249/2**

**SEJARAH**

**Kertas 2**

**Nov./Dis.**

$2\frac{1}{2}$  jam

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.*
4. *Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
5. *Jawapan bagi Bahagian B hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
6. *Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.



**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

**1** Tamadun Rom mewariskan sistem pemerintahan republik kepada dunia.

(a) Jelaskan maksud sistem pemerintahan republik.

.....  
.....  
[2 markah]

(b) Bagaimanakah sistem pemerintahan republik yang diamalkan di Rom?

.....  
.....  
[2 markah]

(c) Senaraikan **dua** buah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan republik sekarang.

(i) .....  
(ii) .....  
[2 markah]

(d) Bagaimanakah sistem republik diamalkan di negara dalam **1(c)(i)** dan **1(c)(ii)**?

.....  
.....  
.....  
.....  
[2 markah]

- (e) Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Mengapakah sistem tersebut sesuai dilaksanakan di negara kita?  
Berikan penjelasan anda.

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

2 Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, negara Islam Madinah diperintah oleh Khulafa al-Rasyidin.

(a) Jelaskan maksud khalifah.

.....  
.....  
[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** syarat menjadi khalifah.

(i) .....  
(ii) .....  
[2 markah]

(c) Senaraikan **dua** tugas khalifah.

(i) .....  
(ii) .....  
[2 markah]

(d) Jelaskan ciri kepemimpinan Khalifah Islam pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin yang wajar dicontohi oleh pemimpin masa kini.

.....  
.....  
.....  
.....  
[2 markah]

(e) Jelaskan kebaikan pengamalan ciri kepemimpinan Khulafa al-Rasyidin sekiranya diamalkan oleh pemimpin-pemimpin dunia masa kini.

.....  
.....  
.....  
.....  
[2 markah]

3 Imperialisme merupakan istilah umum bagi merujuk kepada penjajahan dan penguasaan terhadap negara-negara kecil oleh kuasa-kuasa asing bagi kepentingan ekonomi dan politik.

Sumber : <http://ms.wikipedia.org/wiki/Imperialisme>

(a) Namakan **dua** kuasa Barat yang terlibat dengan kegiatan imperialisme.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Kuasa Barat menjadikan slogan **Beban Orang Putih** dan **Tugas Menyebarkan Tamadun** sebagai alasan mereka untuk menguasai negara lain.

Beri komen anda terhadap pernyataan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran imperialisme Barat?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(d) Adakah imperialisme masih berlaku pada abad ini?

Berikan penjelasan anda.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 4 Sukan Malaysia (SUKMA) adalah satu acara sukan peringkat kebangsaan di bawah anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia, Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Universiti Malaysia, dan Majlis Sukan Polis Diraja Malaysia.

SUKMA merupakan kejohanan beraneka sukan (*multi-sports competition*) dan berkonsepkan Mini Sukan Olimpik di Malaysia yang melibatkan atlet remaja. SUKMA dianjurkan bagi mencungkil bakat atlet-atlet remaja di peringkat negeri dan daerah. Kejohanan ini menggalakkan penglibatan secara mendalam dalam sukan yang dipertandingkan.

- (a) Mampukah SUKMA menjadi alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia?

Berikan hujah anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (b) Selain daripada mencungkil bakat, apakah rasional SUKMA hanya melibatkan atlet remaja dalam semua acara yang dipertandingkan?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) SUKMA boleh menyumbang ke arah memajukan sukan di Malaysia.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.*

- 5 Tamadun berasal dari perkataan Arab, iaitu madana, mudun dan madain yang bererti pembukaan bandar atau masyarakat yang mempunyai kemajuan dari segi lahiriah dan rohaniah. Perkataan tamadun dapat diertikan kepada keadaan hidup bermasyarakat yang bertambah maju.
- (a) Jelaskan ciri-ciri tamadun. [4 markah]
- (b) Sejarawan berpendapat bahawa tamadun terawal manusia muncul di kawasan Mesopotamia.  
Terangkan keistimewaan kawasan tersebut. [6 markah]
- (c) (i) Sejauh manakah Tamadun Mesopotamia telah menyumbang kepada tamadun dunia? [4 markah]
- (ii) Kemunculan dan kejatuhan sesebuah tamadun berlaku dalam sejarah.  
Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku? [6 markah]
- 6 Islam tersebar di Asia Tenggara dalam suasana yang aman tanpa melibatkan pertumpahan darah.
- (a) Huraikan cara Islam disebarkan di Asia Tenggara. [6 markah]
- (b) Islam telah mengubah sistem politik di Asia Tenggara.  
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [4 markah]
- (c) (i) Walaupun sejarah telah membuktikan bahawa Islam tersebar secara aman, tetapi masih terdapat tohmahan yang mengatakan Islam tersebar melalui kekerasan.  
Mengapakah tohmahan tersebut wujud? [6 markah]
- (ii) Islam merupakan agama Persekutuan di Malaysia. Agama lain boleh diamalkan.  
Bagaimanakah pernyataan tersebut dapat mengekalkan keharmonian hidup masyarakat Malaysia sejak merdeka sehingga kini? [4 markah]

- 7 Revolusi Perindustrian telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat Eropah khususnya di Britain.
- (a) Terangkan faktor yang menyebabkan Revolusi Perindustrian di Britain. [4 markah]
- (b) Sejauh manakah revolusi tersebut membawa perubahan kepada masyarakat Britain? [4 markah]
- (c) (i) Revolusi Perindustrian juga memberikan kesan kepada masyarakat di luar Eropah.  
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [6 markah]
- (ii) Adakah kemajuan sektor perindustrian menjadi syarat untuk menjadi negara maju?  
Berikan pendapat anda. [6 markah]
- 8 Dwiekonomi atau ekonomi duaan wujud pada zaman penjajah di negara kita.
- (a) Terangkan maksud dwiekonomi atau ekonomi duaan. [2 markah]
- (b) Pada pandangan anda, mengapakah dwiekonomi wujud di negara kita pada zaman penjajah? [6 markah]
- (c) (i) Apakah kesan dwiekonomi terhadap masyarakat tempatan? [6 markah]
- (ii) Selepas merdeka, kerajaan berusaha untuk menangani kesan dwiekonomi.  
Berjayakah kerajaan menangani kesan tersebut?  
Berikan penjelasan anda. [6 markah]

- 9 Mulai 1 April 1951, Sistem Ahli diperkenalkan. Sistem Ahli merupakan peringkat separuh kementerian dan Ahli Majlis yang dilantik bertanggungjawab ke atas jabatan-jabatan dan kerajaan.

(Mohd. Isa Othman : *Sejarah Malaysia 1800-1963*)

- (a) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli. [4 markah]
- (b) Jelaskan latar belakang penubuhan Sistem Ahli. [4 markah]
- (c) (i) Jika anda sebagai seorang Ahli dalam sistem tersebut, jelaskan tindakan anda untuk memanfaatkan peluang tersebut bagi mempertahankan hak dan maruah bangsa. [6 markah]
- (ii) Adakah pelaksanaan Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan?  
Berikan penjelasan anda. [6 markah]
- 10 Gambar 1 menunjukkan suasana di sebuah pusat pembuangan undi dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia.



Gambar 1

- (a) Nyatakan proses pilihan raya yang dilaksanakan di negara kita. [4 markah]
- (b) Pilihan raya di negara kita dilaksanakan secara adil.  
Buktikan. [4 markah]
- (c) (i) Mengapakah pilihan raya penting kepada negara kita? [6 markah]
- (ii) Terdapat segelintir rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda masih tidak mendaftar sebagai pengundi.  
Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku?  
Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut. [6 markah]

- 11** (a) Jelaskan maksud globalisasi. [4 *markah*]
- (b) Adakah globalisasi merupakan satu ancaman terhadap negara kita?  
Berikan pendapat anda. [4 *markah*]
- (c) (i) Bagaimanakah generasi muda memanfaatkan globalisasi? [6 *markah*]
- (ii) Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani cabaran globalisasi.  
Sejauh manakah langkah tersebut berkesan untuk memberi manfaat kepada kemajuan negara dalam era globalisasi? [6 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**